

(EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11.30 MALAM INI: 19 JUN)

1982

KUALA LUMPUR, 19 JUN (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEKALI LAGI MEMBIDAS KEANGKUHAN DAN KEKEJAMAN YAHUDI MELANGGAR WILAYAH ARAB TANPA MEMPERDULIKAN LANGSUNG PENDAPAT DUNIA.

PERDANA MENTERI, SAMBIL MENSIFATKAN SIKAP YAHUDI ITU 'TIDAK BERBEZA DARIPADA KEKEJAMAN REJIM NAZI SEMASA HITLER MEMERINTAH JERMAN JERMAN DAHULU' BERKATA SERIBU-RIBU NYAWA TELAH TERKORBAN KERANA DIBOM, DITEMBAK ATAU DIBUNUH AKIBAT KEKEJAMAN YAHUDI ITU.

'MEREKA ITU MATI ATAU CEDERA KERANA MANUSIA YANG BENGIS SEPERTI NAZI JERMAN MEMERINTAH PALESTIN DENGAN SOKONGAN PIHAK-PIHAK TERTENTU,' TEGASNYA.

BERUCAP MERASMIKAN PENUTUPAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN ANGKATAN TENTERA DI STADIUM KEMENTAH DI SINI MALAM INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMAT DAN DUNIA ISLAM SELURUHNYA AMAT SEDIH MELIHAT PERBUATAN YANG TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN ITU.

BELIAU BAGAIMANAPUN MINGINGATKAN BAHAWA DUNIA ISLAM AKAN 'BERKHAYAL JIKA KITA MEMIKIRKAN KITA AKAN DITOLONG OLEH DUNIA DALAM MENGHADAPI KEKEJAMAN TERBARU YAHUDI INI.'

+ APAKAH ORANG YANG TIDAK SEDIKITPUN BERSIMPATI DENGAN KITA, YANG SERIDEOLOJIKAN KEBENDAAN DAN YANG TIDAK PERCAYAKAN TUHAN AKAN MENOLONG KITA,' TANYA BELIAU? --BERSAMBUNG 2020/MD

B436

MAHATHIR - QURAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MENEGASKAN UMAT DAN DUNIA ISLAM TIDAK PERLU BERKHAYAL DENGAN HARAPAN IA AKAN DIBANTU OLEH 'ORANG LAIN APABILA DISERANG' JIKA MEREKA MEMATUNI DAN MENGAMALKAN SEMUA AJARAN QURAN YANG MENYURUH UMAT ISLAM BERDISIPLIN DAN JANGAN MEMBANTAM TAU MEMBELAKANGKAN PERINTAH ALLAH.

KEPADA PARA ANGGOTA TENTERA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU MEREKA SUPAYA JANGAN SEKALI-KALI MENYOAL MENGAPA MEREKA DAN TIDAK ORANG LAIN DITUGASKAN UNTUK MEMPERTAHANKAN NEGARA.

BELIAU MEMBERI AMARAN JIKA SESIAPA YANG DITUGASKAN MEMPERTAHANKAN NEGARA BERTANYAKAN HAL INI 'MAKA TIDAK AKAN ADA SESIAPAPUN YANG AKAN MEMIKUL TUGAS INI.'

'JIKA KITA SEMUA MENUNGGU DAN BERNHARAP KEPADA ORANG LAIN BAGI MEMPERTAHANKAN NEGARA DAN ORANG LAIN PULA AKAN MEMIKIRKAN SEDEMIKIAN, TENTULAH TIDAK AKAN ADA SESIAPAPUN YANG AKAN MEMIKUL TANGGUNGJAWAB INI.

'AKHIRNYA NANTI NEGARA KITA BOLEH DITAWAN DAN DIJAJAH PADA BILA-BILA MASA SAJA,' TEGASNYA. --BERSAMBUNG 2024/MD

MAHATHIR-QURAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KENYATAAN YANG PERLU DITERIMA TALAH DALAM MEMPERTAHANKAN NEGARA ADA YANG AKAN MEMIKUL SENJATA DAN ADA YANG TIDAK.'

'TETAPI TENTULAH MENJADI LEBIH BAIK JIKA PASUKAN YANG TERLATIH DITUGASKAN UNTUK MENANGKIS SERANGAN MUSUH DARIPADA KITA BERDEBAT SIAPA YANG PERLU KEHADAPAN LEBIH DAHULU. TIDAK ADA KESELAMATAN TANPA KORBAN.'

BELIAU MINGINGATKAN JIKA RAKYAT MENGHABISKAN MASA MENGELUH TENTANG NASIB, 'NASIB KITA AKAN MENJADI MALANG KERANA DALAM ISLAM MENGELUH DAN KECIWA TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT.'

'NABI ALLAH IBRAHIM A.S. TIDAK BERTANYA MENGAPA ANAKNYA ISMAIL YANG PERLU DIKORBANKAN,' KATANYA. --BERNAMA 2026/MD